

Mahathir optimis perkembangan semasa ke arah keamanan

MM 18 JUN 1989

KUALA LUMPUR 17 Jun — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan optimisnya dengan perkembangan semasa ke arah keamanan pada segi ketenteraan.

Bagaimanapun beliau mengingatkan tentang kemungkinan meningkatnya pertelingkahan ekonomi ketika ekonomi memainkan peranan yang semakin besar dalam hal ehwal sesebuah negara.

Beliau berkata walaupun jalan ke arah perlucutan senjata tidak pernah mudah, lebih banyak kerajaan kini menerima konsep kecukupan pada tahap yang sewajarnya iaitu cukup adalah memadai.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun menarik perhatian bahawa sesetengah negara telah menemui cara baru melibatkan diri dalam "peperangan dan perluasan negara" bukan secara ketenteraan tetapi dengan menembusi pasaran dan mewujudkan pergantungan terhadap aliran kewangan dan hasil keluaran sesebuah negara.

"Imperialisme secara halus" yang menggunakan otak dan bukannya otot, sedang digunakan dengan jayanya seperti yang dilakukan oleh Jepun, kata Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapannya pada Persidangan Meja Bulat

Asia - Pasifik kali ke tiga anjuran ISIS di sini.

Kejayaan Jepun dalam lapangan itu telah menunjukkan bahawa objektif sesebuah negara boleh dicapai melalui penggunaan cara ekonomi — bagi kebajikan dan faedah negara pelaku dan dalam kebanyakan hal, untuk faedah dan kebajikan negara penerima.

Era imperialisme secara halus itu bergantung besar kepada sifat kreatif, tenaga dan bakat rakyatnya, lebih daripada jumlah penduduk dan keluasan negara berkenaan.

Perdana Menteri berkata bahawa sebahagian besar kebaikan imperialisme secara lembut itu terletak pada hakikat bahawa negara yang dikatakan sebagai sasaran itu mungkin membantu dan bersubahat dan sememangnya menyambut baik langkah perluasan nasional sesebuah negara.

Beliau percaya, imperialisme secara halus itu, jika dilakukan dengan cara yang bersih dan berterusan, sepatutnya mendatangkan faedah yang besar kepada kedua-dua pihak kerana kepentingan negara penguasaan itu terikat kepada kesejahteraan negara sasarannya.

"Jika saya betul, dan apa yang akan kita lihat dalam beberapa tahun akan datang ialah bertambahnya contoh perluasan daripada segi ekonomi dan berkurangnya usaha perluasan ketenteraan, maka kita bolehlah menjangka yang sebahagian besar masa depan kita akan ditentukan oleh negara perdagangan, bukan oleh negara ketenteraan."

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan imperialisme secara halus seperti itu boleh berubah menjadi kasar jika ia didorong oleh hasrat untuk mencapai keagungan dan untuk menguasai dan mengarah pihak lain.

Beliau berkata, pertelingkahan ekonomi sudah semestinya akan timbul kerana kebanyakan negara terpaksa mengendalikan pelbagai isu ekonomi antarabangsa yang sukar dikawal.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sementara pertikaian ideologi, politik dan ketenteraan pada asasnya adalah antara negara-negara yang bersengketa dan bermusuhan, ~~musuhan, pertikaian ekonomi berkemungkinan besar berlaku antara sahabat dan sekutu.~~

Dalam pertikaian ideologi, politik dan ketenteraan, apa yang penting ialah menawan musuh, tetapi dalam pertikaian ekonomi, yang mungkin menjadi tugas utama ialah bagaimana melayan sahabat dan sekutu, katanya.

Sambil menarik perhatian tentang sukarnya untuk mengatasi pertikaian - pertikaian itu, Perdana Menteri mengemukakan persoalan ini kepada dunia untuk dicari jawapan bersama: •Apakah kesudahannya dengan pertelingkahan ekonomi yang semakin meningkat dalam sebuah dunia di mana konflik tradisi dan besar komunisme - kapitalisme, timur - barat tidak lagi menjadi rangka pusat rujukan? dan

•Bagaimana garis - garis baru pergeseran dan pertelingkahan akan dilakukan apabila garis pembahagian yang lama menjadi pudar atau tidak lagi boleh digunakan. — Bernama.